

UUM ONLINE: Sempena Aidilfitri ini, Universiti Utara Malaysia (UUM) mengambil inisiatif menghulurkan sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada kakitangan yang kurang bernasib baik menjelang Syawal.

Mereka adalah kakitangan akademik dan pentadbiran yang sedang menerima rawatan di hospital mahupun yang terlantar sakit di rumah masing-masing.

Sumbangan ini adalah untuk memastikan mereka turut sama meraikan Syawal dengan penuh kegembiraan walaupun menerima ujian daripada Allah S.W.T.

Seramai enam orang kakitangan UUM menerima sumbangan itu dalam kunjungan Penolong Pendaftar, Jafri Ishak di kediaman masing-masing, di sekitar kawasan Kubang Pasu, semalam.

Jafri berkata sumbangan hamper ini adalah untuk menghargai jasa kakitangan UUM yang sebelum ini menabur bakti kepada universiti.

"Amalan ini dilakukan hampir setiap kali Ramadhan dan Aidilfitri sebagai salah satu usaha mengeratkan hubungan silaturahim," katanya.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my